

'Broker kuasa jadi dalang'

UM - 4 DEC 1999

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Broker kuasa di Pulau Pinang termasuk beberapa pemimpin veteran meruaukan dalam di sebalik tindakan dua ahli Dewan Undangan Negeri Gerakan negeri itu keluar narti itu semalam, kata Presidennya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

Menurut beliau, broker kuasa berkenaan telah mempengaruhi Lim Chien Aun dan Lim Boo Chang yang masing-masing memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Bayan Lepas dan Datuk Keramat pada pilihan raya lalu untuk meninggalkan parti dalam usaha menghalang Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon kekal sebagai Ketua Menteri.

Tanpa mahu menyebut siapa yang dimaksudkannya sebagai broker kuasa berkenaan, Keng Yaik berkata, mereka juga cuba mempengaruhi pihak lain dengan alasan mahu mewuiudkan barisan kepimpinan baru di negeri itu.

Lebih memburukkan keadaan katanya, ialah peranan di sebalik tabir yang dimainkan oleh golongan veteran yang mempunyai agenda yang sama dengan kumpulan broker berkenaan.

"Saya tahu siapa broker kuasa ini tetapi saya tidak mahu menyebut.

"Ramai penduduk Pulau Pinang tahu siapa yang saya maksudkan lebih-lebih lagi wartawan di sana," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Gerakan, di sini hari ini.

Semalam Chien Aun, 51, dan Boo Chang, 44, mengumumkan tindakan mereka untuk keluar dari parti dengan

alasan tidak berpuas hati dengan kepimpinan parti.

Chien Aun merupakan anak lelaki bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Tun Dr. Lim Chong Fu manakala Boo Chang pula anak kepada pengasas Gerakan, Datuk Lim Ee Heong.

Walaupun keluar parti, kedua-dua mereka berjanji akan berkhidmat sebagai wakil rakyat bebas di kawasan masing-masing, di samping terus menyokong Barisan Nasional (BN) dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Keng Yaik menambah, beliau menyedari hasrat broker kuasa itu sebelum hari penamaan calon lagi dan telah bertindak memberitahu Perdana Menteri mengenainya.

Beliau berkata, tindakan Chien Aun dan Boo Chang meninggalkan parti agak menghairankan memandangkan sebelum hari penamaan calon, kedua-dua mereka telah berikrar kepadanya untuk bekerja dalam satu pasukan.

Selain itu katanya, kumpulan veteran tertentu yang, sebelum ini mengumumkan ingin bersara dari politik telah bersikap sebaliknya, apabila

dengan senyap mengatur usaha menjatuhkan Dr. Koh yang juga Pengerusi Gerakan Pulau Pinang.

Keng Yaik menyifatkan perbuatan dua wakil rakyat tersebut keluar parti sebagai tindakan bodoh, tidak berdisiplin dan bertanggungjawab serta lebih mementingkan diri sendiri.

Menurut beliau, alasan mereka bertindak begitu juga tidak munasabah dan sukar dipercayai oleh sesiapa pun.

Tambah beliau, oleh kerana rakyat sendiri mengakui banyak pembangunan berlaku di Pulau Pinang adalah jelas tindakan mereka mempunyai agenda tertentu.

Tegas beliau, kemenangan Chien Aun dan Boo Chang pada pilihan raya umum kali ini juga adalah kerana rakyat percaya pada kerajaan yang memerintah.

"Jadi mereka telah mengecewakan penduduk yang telah beri mandat kepada mereka.

"Sekarang mereka kena tanggung akibatnya dan perlu menjawab semula kepada rakyat," ujar Keng Yaik.